

Sediakan program pengurusan hutan secara bijak – Abdullah

UM-9/6/2006

SANDAKAN 8 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap semua kerajaan negeri menyediakan program pengurusan hutan secara bijak bagi memastikan khazanah hutan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Perdana Menteri berkata, program Pengurusan Hutan Mapan (MFS) oleh kerajaan Sabah di Deramakot wajar dicontohi dalam usaha memulihara kekayaan sumber kayu serta kepelbagaian bio sedia ada.

Menurutnya, adalah merugikan jika pokok balak ditebang dengan begitu sahaja bagi tujuan komersial tanpa sebarang tindakan pemuliharaan semula.

“Pengurusan hutan mapan penting kerana bukan sahaja bagi mengekalkan kekayaan biodiversiti untuk keperluan penyelidikan sains dan teknologi, tetapi juga

mampu mengatasi masalah pengambilan balak secara haram.

“Selain itu, pengurusan hutan mapan juga dapat mengekalkan kekayaan tumbuhan herba dan pada masa sama penebangan balak bagi tujuan komersial untuk industri perabot dan sebagainya tidak terjejas,” katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan tinjauan udara dan lawatan ke kawasan Hutan Simpan Deramakot, kira-kira 175 kilometer dari Sandakan.

Melalui konsep MFS yang dimulakan pada 1989, kerajaan Sabah menyediakan program penanaman semula pokok balak di kawasan seluas 55,000 hektar secara berperingkat.

Hasilnya, mulai Disember 2007, pene-

banagan balak secara komersial tidak lagi membabitkan kawasan hutan baru, sebaliknya di kawasan hutan yang ditanam semula itu.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengemukakan pandangan mengenai program MFS yang diperkenalkan oleh kerajaan Sabah pada mesyuarat bersama Menteri-Menteri Besar dalam usaha memastikan program tersebut dapat diperluaskan ke seluruh negara.

Mengenai kegiatan mencuri balak di beberapa kawasan di negara ini, Abdullah berkata, ia berlaku berikutan kurangnya tindakan pemantauan atau penyeliaan ke atas kawasan terbabit.

Tambah beliau, dalam aspek tersebut serta usaha memulihara kawasan hutan, setiap kerajaan negeri perlu mempunyai

kesungguhan dan daya juang politik bagi memastikan ia benar-benar terlaksana.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berkata, kerajaan menyediakan peruntukan RM160 juta bagi melaksanakan program pemuliharaan hutan di negeri ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata, sebanyak RM90 juta peruntukan adalah daripada kerajaan Sabah manakala bakinya daripada Kerajaan Pusat.

Musa berkata, kerajaan negeri juga merancang memperluaskan program MFS ke kawasan hutan simpan lain iaitu di Ulu Segama-Malua meliputi kawasan seluas 300,000 hektar, Tangkulap (80,000 hektar) dan Trusmadi (75,000 hektar).